

# PANDUAN PEMILIHAN ANAK BENIH SAWIT BERKUALITI

## PENGENALAN

Penggunaan anak benih berkualiti adalah faktor yang tinggi dalam industri tanaman sawit. Pekebun kecil perlu mendapatkan anak benih sawit daripada pengusaha tapak semaian yang berlesen dengan MPOB serta mempunyai sijil Kod Amalan Baik tapak semaian sawit (CoPN) yang dikeluarkan oleh MPOB.

## TUJUAN DAN FAEDAH

- Mendapatkan anak benih yang bermutu.
- Memastikan pengeluaran hasil yang optimum.
- Mengurangkan risiko penyakit dan kadar sulaman di kebun.
- Memastikan anak benih yang bermutu sahaja ditanam di kebun.

## SPESIFIKASI ANAK BENIH NORMAL

- Anak benih yang sihat dan subur.
- Ditanam dalam polibeg berukuran 15 inci lebar X 18 inci tinggi untuk anak benih sawit berumur 10 - 12 bulan.
- Anak benih mestilah diperolehi daripada pembekal sumber bahan tanaman (biji benih cambah/ramet) yang berlesen dan mempunyai sijil CoPN.
- Pemeriksaan secara visual, anak benih hendaklah;
  - i. Berkeadaan baik, normal, daun kehijauan dan tiada simptom kekurangan nutrien.
  - ii. Bebas dari serangan perosak dan penyakit.
  - iii. Telah melalui sekurang-kurangnya 3 kali proses penakaian di tapak semaian.



Normal/  
Sihat  
10 - 12 bulan



Rumpun/  
daun atas  
merata (flat  
top)



Daun  
pelepah tua  
tidak pecah  
(juvenile)



Daun tidak  
kembang  
(collante)



Pelepah  
menegak  
(upright/erect  
/barren)



'Chimaera'



Pelepah  
menegak /  
tirus



Lai-daun  
jarang



Lai-daun  
rapat



Lai-daun  
pendek  
dan lebar



Imbas kod QR atau layari laman web di bawah untuk dapatkan pembekal anak benih berdaftar di CoPN MPOB.

Alamat URL:  
<https://mpon.mpo.gov.my/coa/ab/w/list-of-certified-nursery-premises/>

